

5. RUMUSAN DAN SARANAN

Untuk merumuskan sejauh mana penerapan nilai dan keberkesanannya KAGAT, hasil analisa keatas data primer dibentangkan seperti di bawah :

5.1 Perumusan Data Primer

Hasil soal selidik yang dilakukan telah memperihatkan perhubungan profil responden dengan pembolehubah-pembolehubah. Pembolehubah yang dimaksudkan adalah :

- Tahap Pengetahuan Agama Islam
- Penyertaan Aktiviti Agama di Pasukan
- Penghayatan Nilai
- Keberkesanannya Peranan Anggota KAGAT

Daripada lapan profil responden yang terdiri daripada (1) umur, (2) jantina,(3) bangsa, (4) pangkat, (5) jangkamasa perkhidmatan, (6) tahap kelulusan akademik, (7) tahap pendidikan agama dan (8) taraf perkahwinan, hanya wujud satu sahaja perhubungan yang signifikan keatas pembolehubah-pembolehubah yang dinyatakan, iaitu hubungan pangkat. Walau bagaimanapun, di bawah akan diperturunkan perumusan soal selidik ke atas kesemua pembolehubah.

a. Perumusan Tahap Pengetahuan Asas Agama

- Sebelum Memasuki Tentera dan Masakini. Hasil kajian menunjukkan terdapat peningkatan ke atas tahap pengetahuan asas agama Islam terhadap responden ketika sebelum berkhidmat di dalam tentera dan tahap pengetahuan mereka masakini. Walau bagaimanapun, ujian chi-square menunjukkan tidak terdapat perhubungan yang signifikan ke atas pembolehubah.

- **Umur.** Hasil kajian menunjukkan peringkat umur di dalam tentera tidak menunjukkan dalamnya ilmu pengetahuan asas agama Islam mereka. Ini dapat dilihat apabila dibuat perbandingan di antara peringkat umur yang di soal selidik. Peringkat umur 18 hingga 22 tahun, yang sepatutnya mempunyai bilangan responden yang ramai dan tahap pengetahuan asas agama yang paling rendah, ternyata kurang daripada apa yang dianggarkan dan hanya mencatat 12.5 % daripada peringkat umurnya. Sebaliknya, peringkat umur 23 tahun ke atas menunjukkan bilangan responden yang ramai ditahap pengetahuan asas agama yang paling rendah dengan mencatat 31.2% untuk peringkat umur 23 hingga 30 tahun dan 40.8 % untuk peringkat umur 31 tahun ke atas.

Begitu juga dengan tahap pengetahuan asas agama yang paling tinggi, yang sepatutnya ramai di kalangan peringkat umur 31 tahun ke atas, ternyata mencatat keputusan yang di luar jangkaan. Kajian telah menunjukkan peringkat umur 23 hingga 30 tahun lebih tinggi tahap pengetahuan asas agamanya dengan mencatat 31.2% berbanding dengan peringkat umur 31 tahun ke atas yang hanya mencatat 30.6%.

- **Pangkat.** Ujian *chi-square* telah menunjukkan wujudnya perhubungan antara pangkat dengan pembolehubah, di mana pegawai dan PTT Kanan mencatat peratusan yang tertinggi iaitu 50% untuk tahap pengetahuan asas agama yan paling tinggi, diikuti oleh PTT Rendah dengan mencatat 23% dan Prebet dengan mencatat 18%.
- **Tahun Khidmat.** Hasil kajian telah mendapati bahawa tahun perkhidmatan juga tidak menunjukkan dalamnya ilmu pengetahuan asas agama terhadap anggota tentera. Profil ini mempunyai hubungkait dengan profil umur yang mana tidak menunjukkan kewujudan yang signifikan terhadap pembolehubah. Tahun khidmat 9 hingga 12 tahun mencatat peratusan yang tertinggi iaitu 38.2%,

berbanding dengan tahun khidmat 13 tahun ke atas yang hanya mencatat 23.8%.

- **Kelulusan Akademik.** Hasil kajian telah mendapati bahawa kelulusan akademik memberi kesan terhadap tahap pengetahuan asas agama anggota tentera. Anggota tentera yang memiliki kelulusan Diploma ke atas didapati mempunyai tahap pengetahuan asas agama yang tinggi dengan mencatat 53.3%, berbanding dengan kelulusan SRP dengan hanya 15.3%. Keputusan ini dapat diperkuatkan lagi dengan melihat peratusan kelulusan STP/HSC iaitu dengan mencatat 50% dan SPM/MCE sebanyak 31.5%.
- **Pendidikan Agama.** Hasil kajian telah mendapati bahawa anggota tentera yang mendapat pendidikan di sekolah agama samada kerajaan ataupun swasta sebelum memasuki tentera memiliki tahap pengetahuan asas agama yang tinggi dengan mencatat 37.8%. Ini diikuti oleh anggota tentera yang mendapat pendidikan secara tidak formal dengan mencatat 22.6%.
- **Status Perkahwinan.** Hasil kajian telah mendapati bahawa anggota tentera yang telah berkahwin memiliki tahap pengetahuan asas agama yang lebih tinggi daripada anggota tentera bujang. Anggota tentera yang telah berkahwin mencatat 30.8% berbanding anggota tentera yang masih bujang dengan mencatat 30%.
- **Kesimpulan Perumusan Tahap Pengetahuan Asas Agama**

Pada kesimpulannya, ketinggian tahap pengetahuan asas agama bagi anggota tentera (Darat) boleh dikenal pasti dengan melihat kepada profil berikut :

- Ketinggian kelulusan akademik
- Sudah berkahwin

- Kekananan pangkat
- Pernah mendapat pendidikan di sekolah agama

Juga dapat dirumuskan bahawa golongan yang mempunyai tahap pengetahuan asas agama yang tinggi mengikut keutamaan ialah (1) Pegawai dan PTT Kanan, (2) PTT Rendah dan (3) Prebet. Walau bagaimanapun, pada keseluruhannya daripada 150 responden, hanya 66.7% sahaja yang mempunyai tahap pengetahuan asas agama di peringkat sederhana dan tinggi, berbanding masih terdapat 33.3 % anggota tentera di pasukan yang mempunyai tahap pengetahuan asas yang rendah.

b. Perumusan Penyertaan aktiviti Agama

- **Umur.** Hasil kajian telah mendapati bahawa peringkat umur 18 hingga 22 tahun adalah yang paling tinggi peratusannya di dalam mengikuti aktiviti agama di pasukan dengan mencatat 37.5%, diikuti oleh peringkat umur 23 hingga 30 tahun dengan 30.1%. Peringkat umur 31 tahun ke atas adalah yang paling kurang mengikuti aktiviti agama dengan hanya 22.4%.
- **Pangkat.** Hasil kajian menunjukkan bahawa PTT Kanan mencatat penyertaan tertinggi dengan 46.4%, diikuti oleh pegawai dengan 45.8%, PTT Rendah 20.8% dan Prebet 16%. Penemuan kajian ini dilihat bertentangan dengan penemuan peringkat umur kerana PTT Kanan secara amnya adalah tergolong di dalam lingkungan umur 31 tahun keatas.
- **Tahun Khidmat.** Hasil kajian menunjukkan bahawa anggota tentera yang mempunyai perkhidmatan 5 hingga 8 tahun mencatat penyertaan yang tertinggi dengan 37.1% berbanding dengan yang mempunyai perkhidmatan 13 tahun ke atas, yang hanya mencatat 19% penyertaan.

- **Kelulusan Akademik.** Hasil kajian telah mendapati bahawa anggota tentera yang mempunyai kelulusan STP/HSC mencatat penyertaan tertinggi didalam menyertai aktiviti agama di pasukan dengan 50%, berbanding dengan anggota tentera yang mempunyai kelulusan SRP dengan hanya 18.4%.
- **Tahap Pendidikan Agama.** Hasil kajian mendapati anggota tentera yang mendapat pendidikan agama secara tidak formal (seperti dari ibubapa) mencatat penyertaan paling tinggi di dalam aktiviti agama di pasukan dengan 62.6%, berbanding dengan anggota yang mendapat pendidikan asas agama di sekolah agama dengan hanya mencatat 37.8%.
- **Status Perkahwinan.** Hasil kajian mendapati anggota tentera yang bujang lebih banyak menyertai aktiviti agama di pasukan dengan mencatat 40% kehadiran berbanding dengan anggota yang telah berkahwin yang hanya mencatat 25%.
- **Kesimpulan Peratusan Penyertaan Aktiviti Agama di Pasukan**

Kesimpulannya, tahap penyertaan anggota tentera di dalam menyertai aktiviti agama yang diadakan dipasukan boleh dikenalpasti dengan melihat kepada profil berikut:

- a. Anggota bujang.
- b. Mendapat pendidikan asas secara tidak formal.
- c. Anggota yang berkhidmat antara 5 hingga 8 tahun.

Profil umur, pangkat dan taraf kelulusan akademik tidak boleh dijadikan ukuran, kerana penemuan dari hasil kajian keatasnya adalah tidak konsisten. Dapat dirumuskan juga bahawa golongan yang kerap mengikuti aktiviti agama di pasukan mengikut keutamaan adalah (1) PTT

Kanan, (2) Pegawai, (3) PTT Rendah dan (4) Prebet. Walau bagaimanapun, pada keseluruhannya daripada 150 responden, hanya 61.3% sahaja yang berada di tahap selalu dan kerap menyertai aktiviti agama di pasukan dan masih terdapat 38.7% yang masih jarang atau gagal untuk menyertai aktiviti agama di pasukan.

c. Perumusan Penghayatan Nilai Agama

- **Umur.** Hasil kajian menunjukkan bahawa peringkat umur 18 hingga 22 tahun lebih menghayati nilai-nilai agama yang ingin diserapkan oleh KAGAT berbanding dengan peringkat umur yang lain. Peringkat umur 18 hingga 22 tahun ini mencatat 37.5%, 23 hingga 30 tahun mencatat 36.6% dan peringkat umur 31 hingga 40 tahun 21.4%.
- **Pangkat.** Hasil kajian menunjukkan bahawa pegawai mengatasi kategori pangkat-pangkat yang lain di dalam menghayati nilai-nilai agama yang ingin disampaikan oleh KAGAT. Pegawai mencatat jumlah sebanyak 50%, diikuti oleh PTT Kanan dengan 46%, PTT Rendah 25% dan Prebet 20%.
- **Tahun Khidmat.** Hasil kajian menunjukkan bahawa anggota tentera yang mempunyai perkhidmatan 5 hingga 8 tahun lebih menghayati nilai-nilai agama yang ingin disampaikan oleh KAGAT, berbanding dengan kumpulan tahun khidmat yang lain. Tahun khidmat 5 hingga 8 tahun mencatat 43.5%, diikuti oleh tahun khidmat 1 hingga 4 tahun dengan 41.7%. Tahun khidmat 9 hingga 12 tahun dan 13 tahun ke atas masing-masing mencatat 23.5% dan 16.7%.
- **Kelulusan Akademik.** Hasil kajian menunjukkan bahawa anggota tentera yang mempunyai kelulusan diploma keatas lebih menghayati nilai-nilai agama yang ingin disampaikan oleh KAGAT. Merka mencatatkan sebanyak 53.3%, diikuti oleh anggota tentera

berkelulusan STP/HSC dengan 37.5%, SPM/MCE 31.5% dan SRP ke bawah mencatat hanya 21.1%.

- **Tahap Pendidikan Agama.** Hasil kajian menunjukkan bahawa anggota tentera yang mendapat pendidikan di surau/masjid/pondok lebih menghayati nilai-nilai agama yang ingin disampaikan oleh KAGAT, berbanding dengan tahap pendidikan yang lain. Mereka mencatat sebanyak 39%, diikuti oleh anggota tentera yang mendapat pendidikan disekolah agama yang mencatat 31.1%, dan yang mendapat pendidikan tidak formal yang mencatat hanya 25.8%.
- **Status Perkahwinan.** Hasil kajian menunjukkan bahawa anggota tentera bujang lebih menghayati nilai-nilai agama yang ingin disampaikan oleh KAGAT. Anggota bujang mencatat sebanyak 33.3% berbanding dengan anggota tentera yang kahwin sebanyak 31.8%.
- **Kesimpulan Perumusan Penghayatan Nilai Agama**

Pada kesimpulannya, ketinggian tahap penghayatan nilai agama dikalangan anggota tentera boleh dikenalpasti dengan melihat kepada profil berikut:

- a. Mempunyai umur antara 18 hingga 22 tahun.
- b. Kekananan Pangkat.
- c. Berkhidmat antara 5 hingga 8 tahun.
- d. Ketinggian tahap kelulusan akademik.
- e. Menerima pendidikan asas agama di surau/masjid/pondok.

Hasil kajian juga dapat merumuskan bahawa golongan yang mempunyai tahap penghayatan nilai agama yang tinggi mengikut keutamaan ialah; (1) Pegawai, (2) PTT Rendah, (3) PTT Kanan, dan (4) Prebet. Walau bagaimanapun pada keseluruhannya, daripada 150 responden, hanya 31.3% sahaja yang dapat menerima nilai-nilai agama

yang ingin diserapkan/disampaikan oleh KAGAT berbanding dengan 68.7% yang tidak bersetuju dan gagal menerima/menghayati nilai-nilai murni ini.

d. Perumusan Keberkesanan Peranan Anggota KAGAT

- **Umur.** Hasil kajian menunjukkan bahawa anggota tentera di dalam peringkat umur 23 hingga 23 tahun lebih bersetuju menyatakan anggota KAGAT telah berjaya memainkan peranannya berbanding dengan peringkat umur yang lain. Mereka mencatat sebanyak 45.2%, diikuti oleh peringkat umur 31 hingga 40 tahun yang mencatat sebanyak 38.8% dan akhir sekali peringkat umur 18 hingga 22 tahun yang hanya mencatat 37.5%.
- **Pangkat.** Hasil kajian menunjukkan bahawa Pegawai mempunyai keyakinan yang lebih tinggi di atas keberkesanan peranan anggota KAGAT dengan mencatat keputusan sebanyak 58.3%, diikuti oleh PTT Kanan dengan 46.4%, PTT Rendah dengan 41.6% dan akhir sekali Prebet yang hanya mencatat keputusan 34%.
- **Tahun Khidmat.** Hasil kajian menunjukkan bahawa anggota tentera yang berkhidmat 13 tahun keatas lebih bersetuju menyatakan bahawa anggota KAGAT telah berjaya memainkan peranannya berbanding dengan peringkat tahun khidmat yang lain. Mereka mencatat sebanyak 42.9%, diikuti oleh anggota tentera yang telah berkhidmat dari 1 hingga 4 tahun yang mencatat sebanyak 41.7%, dan tahun khidmat 5 hingga 12 tahun mencatat sebanyak 38.2%.
- **Kelulusan Akademik.** Hasil kajian menunjukkan bahawa anggota tentera yang mempunyai kelulusan STP/HSC lebih cenderung menyatakan bahawa anggota KAGAT telah berjaya memainkan peranannya di pasukan berbanding dengan peringkat kelulusan akademik yang lain. Mereka mencatat keputusan sebanyak 75%,

diikuti oleh anggota yang berkelulusan SRP yang mencatat keputusan 50%, peringkat kelulusan SPM/MCE sebanyak 39.3% dan akhir sekali peringkat diploma keatas yang hanya mencatat keputusan sebanyak 26.1%.

- **Tahap Pendidikan Agama.** Hasil kajian menunjukkan bahawa anggota tentera yang mempunyai tahap pendidikan agama tidak formal lebih bersetuju menyatakan keberkesanan peranan anggota KAGAT berbanding dengan tahap pendidikan agama yang lain. Peringkat ini mencatatkan keputusan sebanyak 43.5%, diikuti oleh anggota tentera yang mendapat pendidikan di sekolah agama yang mencatat keputusan 37.8%, dan akhir sekali anggota yang mendapat pendidikan di surau/masjid/pondok yang hanya mencatat keputusan sebanyak 14.6%.
- **Status Perkahwinan.** Hasil kajian menunjukkan bahawa anggota tentera yang telah berkahwin lebih bersetuju menyatakan keberkesanan peranan anggota KAGAT berbanding dengan anggota yang masih bujang. Anggota yang telah berkahwin mencatat keputusan sebanyak 44.2% berbanding anggota bujang yang hanya mencatat keputusan sebanyak 36.7%.
- **Kesimpulan Perumusan Keberkesanan Peranan KAGAT**

Pada kesimpulannya, tahap keberkesanan peranan anggota KAGAT adalah berbeza dari kacamata setiap peringkat anggota di dalam TD. Walau bagaimanapun, secara keseluruhannya keputusan mendapati anggota KAGAT telah memainkan perananannya di tahap sederhana dengan mencatat 48.7% dan di tahap tinggi dengan mencatat 42.7% daripada keseluruhan 150 responden.

5.2 Perumusan Temuduga

Hasil dari temuduga dengan Pengarah KAGAT dan juga Pegawai Staf 1 Agama, MPMTD, dapatlah dirumuskan bahawa sememangnya KAGAT mempunyai rangka progam serta wawasannya yang tersendiri di dalam usaha mereka untuk mencapai matlamat menjadikan setiap anggota ATM yang beragama Islam sebagai "*Da'i Asykar*" yang bermaksud sebagai seorang pendakwah dan juga tentera (pejuang). Konsep *Da'i Asykar* ini tidak mengira pangkat, umur mahupun jantina di dalam usaha untuk menyiaran syiar Islam khusus di dalam ATM dan negara amnya. Program-program yang disusun atur dan Dasar Pembinaan Mental dan Kerohanian Islam ATM (DPMRI ATM) yang sedang dilaksanakan jelas mencerminkan usaha-usaha dan komitmen KAGAT di dalam menyumbang kearah menjadikan ATM sebagai sebuah ketumbukan tentera yang ampuh, mantap, unggul dan disegani bukan sahaja oleh masyarakat negara ini malahan juga diperingkat antarabangsa.

5.3 Perumusan Pemerhatian

Perumusan pemerhatian di dalam kajian ini telah diambil berpandukan daripada pengalaman pengkaji mengenai sikap, tingkahlaku dan kegiatan responden di pasukan. Oleh kerana limitasi dan sekatan masa yang dihadapi oleh pengkaji, proses pemerhatian ini hanya dapat dibuat mengikut masa-masa yang tertentu sahaja terutamanya apabila terdapat kegiatan atau aktiviti agama yang melibatkan kesemua responden. Hasil dari pemerhatian ini, menunjukkan bahawa setiap program dan aktiviti yang dianjurkan oleh pasukan mendapat sambutan yang baik dengan penyertaan yang maksima dari responden. Keadaan ini berlaku kerana program dan aktiviti ini telah dimasukkan di dalam program pasukan yang mana menjadi kewajipan kepada setiap responden yang berada di pasukan ini. Keadaan ini berlaku sebaliknya terhadap aktiviti-aktiviti keagamaan biasa pasukan seperti solat berjemaah setiap waktu, kelas mengaji al-Quran, kelas fardhu-ain dan lain-lain lagi yang

mendapat sambutan dingin dari segi penyertaannya. Dalam hal keagamaan, responden adalah dilihat memberi tindakbalas yang berbeza-beza keatas setiap arahan dan program keagamaan yang diatur di pasukan. Didalam apa juga aktiviti keagamaan di pasukan tidak dapat dinafikan bahawa tetap terdapat golongan yang aktif, semi-aktif dan pasif. Sokongan, ketegasan dan komitmen pemimpin atasan didalam hal ini diperhatikan mempunyaruhi keatas kejayaan perlaksanaan program dan penyertaan aktiviti bercorak keagamaan di pasukan.

5.4 Saranan Kajian

Untuk mempertingkatkan lagi tahap keberkesanannya dan usaha penerapan nilai KAGAT di kalangan anggota tentera, pengkaji ingin menyarankan beberapa usul seperti berikut:

a. Kursus Asas Agama Islam Sebagai Kursus Kerjaya.

Objektif untuk mengadakan kursus ini adalah semata-mata untuk menentukan setiap anggota mempunyai pengetahuan asas agama Islam yang kukuh sebagai alat untuk menjadi seorang mukmin yang sejati. Dengan adanya pengetahuan ini setiap anggota tentera akan lebih berkenyakinan di dalam mengamalkan segala ilmu yang dipelajari dan seterusnya melaksanakan ibadat yang telah diamanahkan dengan betul dan sempurna. Berbeza dengan aktiviti dan program-program yang telah diadakan sebelum ini, pendedahan dengan cara kursus adalah lebih spesifik dan mempunyai peruntukan masa yang khas, di mana setiap peserta kursus tidak diganggu oleh tugas-tugas dan komitmen lain yang boleh mengganggu dan menjelaskan daya penerimaan dan keberkesanannya kursus. Kursus asas ini perlu meliputi beberapa bidang ilmu didalam agama Islam seperti Ilmu Fiqah dan Ilmu Tauhid, juga pendedahan menyeluruh kepada Tassawur Islam agar setiap anggota tentera lebih mengerti dan memahami akan konsep kehidupan Islam yang sebenarnya.

Pembelajaran pengetahuan asas agama ini perlu dijadikan sebagai satu kursus kerja memandangkan kepentingannya adalah sama dengan kursus-kursus kerjaya lain yang ada sekarang. Jika dinitai dan dihalusi dengan teliti, iaanya lebih penting daripada semua kursus kerjaya yang lain kerana ia merupakan satu kemestian dan menjadi kewajipan (Fardhu Ain) kepada setiap individu muslim. Di dalam menyarankan kursus ini, pengkaji tidak berhasrat untuk menerangkan tentang perlaksanaannya secara lebih terperinci kerana satu kajian berasingan berhubung perkara ini perlu dibuat di dalam menangani usul ini.

b. Peperiksaan Subjek Pengetahuan Islam Untuk Kenaikan Pangkat.

Pangkat adalah merupakan satu amanah Allah SWT. Justru itu iaanya bukanlah satu anugerah murah yang layak disandang oleh sesiapa sahaja. Menyentuh soal perlantikan pangkat atau pemimpin adalah wajar bagi kita mengambil perhatian dan ingatan dari Hadith Rasulullah S.A.W antaranya:

Maksudnya: "**Sesiapa yang menyerahkan suatu Jabatan (Urusan) kepada seseorang dalam satu jamaah pada hal ia melihat orang yang lebih berhak bagi jabatan itu dalam lingkungan jemaah tersebut, maka sesungguhnya ia telah khianat kepada Rasulnya dan khianat kepada sekalian orang mukmin**"

Dalam Hadith yang lain Rasulullah S.A.W menjelaskan:

Maksudnya: "**Apabila amanah telah disia-siakan maka tunggulah kehancuran. Sahabat bertanya; bagaimana mensia-sikan amanah itu? Rasulullah menjawab: Apabila sesuatu jabatan diserahkan kepada orang yang bukan ahlinya, maka tunggulah khianat kehancuran**"

Mengenalpasti hakikat ini, pengkaji ingin mengesorkan supaya subjek Pengetahuan Agama Islam dijadikan sebagai satu kertas yang perlu diambil

oleh setiap anggota tentera yang berugama Islam di dalam peperiksaan kenaikan pangkat. Syor ini mempunyai objektif yang sungguh jelas, iaitu untuk memastikan setiap anggota tentera Islam yang menyandang pangkat berkemampuan dan berkelayakkan dari segala aspek bukan sahaja dalam bidang ilmu ketenteraan dan jasmani semata-mata, tetapi juga mempunyai tahap mental dan kerohanian Islam yang mantap. Bagi maksud pengimplementasiannya yang lebih terperinci, satu kertas kerja berasingan berhubung perkara ini perlu buat.

5.5 Penutup

Sebagai sebuah jabatan di bawah Kementerian Pertahanan, KAGAT telah bertindak sebagai penggerak dan pencetus idea kepada aktiviti-aktiviti keagamaan di samping menyelesaikan masalah-masalah semasa di dalam ATM. Seluruh warga KAGAT telah memainkan peranan mereka masing-masing untuk menerapkan kemuliaan nilai Islam (akhlik Islam).

Hasil analisa menunjukkan bahawa Penerapan Nilai yang cuba diserapkan oleh KAGAT adalah ditahap RENDAH dan Keberkesanan KAGAT selama ini adalah ditahap SEDERHANA TINGGI.

Persoalannya kenapa masih terdapat kemungkaran yang berlaku di dalam ATM?. Jawapannya bukan sahaja terletak diatas bahu KAGAT sebagai sebuah organisasi khusus tetapi juga ke atas kepada setakat mana komitmen dan pengetahuan setiap warga ATM itu sendiri khususnya pemimpin dari segenap peringkat terhadap meningkatkan tahap penghayatan dan pengetahuan agama Islam terhadap pasukan dan juga diri masing-masing.

Memandangkan kajian ini merupakan satu kajian perintis (exploratory) sahaja, pengkaji mencadangkan agar satu kajian susulan yang lebih terperinci dibuat terhadap ketiga-tiga perkhidmatan dalam ATM iaitu TD,TLDM dan TUDM dapat dibuat. Kajian susulan ini perlu dibuat dengan mengambilkira kajian ini sebagai panduan agar satu rumusan yang lebih konklusif dan konkret

dapat dihasilkan berkaitan keberkesanan KAGAT dalam ATM secara keseluruhannya.